

SPDP komponen baru BN

UM 8 JAN 2007

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini bersetuju menerima secara rasmi Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP) sebagai anggota komponen baru BN.

Penerimaan keahlian SPDP menjadikan jumlah anggota komponen BN kembali kepada 15 parti, selepas ia berkurangan kepada 14 berikutan pembatalan pendaftaran Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keputusan sebulat suara itu dibuat oleh ahli-ahli Dewan Tertinggi BN dalam mesyuaratnya hari ini.

“Kita semua bersetuju untuk menerima SPDP sebagai ahli baru dan mereka akan hadir pada mesyuarat akan datang,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Ditubuh

SPDP ditubuhkan selepas Pendaftar Pertubuhan (ROS) membatalkan pendaftaran Snap pada 5 November lalu kerana kegagalan para pemimpinnya yang bertelagah menyelesaikan masalah dalam parti.

Pada 19 November lalu, BN Sarawak sebulat suara menerima kemasukan SPDP bagi menggantikan Snap.

Sementara itu, Presiden Penaja SPDP, Datuk William Mawan Ikom yang ditemui selepas sidang akhbar berterima kasih kepada BN khususnya Perdana Menteri kerana menerima kemasukan partinya.

“Ini menunjukkan BN bersimpati dengan perjuangan kami dan saya mewakili SPDP amat berbesar hati dengan keputusan itu,” katanya.